



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

SAMBUTAN HARI ORANG KURANG UPAYA (HOKU) TAHUN 2025: “MASYARAKAT INKLUSIF OKU, KUNCI KEMAJUAN SOSIAL”

PUTRAJAYA, 3 Disember 2025 – Sambutan Hari Orang Kurang Upaya 2025 Peringkat Kebangsaan Tahun 2025 berlangsung meriah di Perkarangan Kompleks Perbadanan Putrajaya dengan penglibatan lebih 1,000 orang peserta dari seluruh negara. Majlis disempurnakan oleh YB Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dengan tema “Masyarakat Inklusif OKU, Kunci Kemajuan Sosial” yang membawa satu mesej bahawa kemajuan sesebuah negara bukan hanya diukur melalui ekonomi atau infrastruktur, tetapi juga sejauh mana kita menghormati, menerima, dan memberi peluang saksama kepada semua warganya termasuk golongan OKU.

YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, dalam ucapan perasmianya menegaskan bahawa membangun masyarakat inklusif bukan tanggungjawab kerajaan semata-mata tetapi tanggungjawab semua bagi memastikan tiada OKU yang ketinggalan dan potensi mereka dapat dimaksimumkan. Beliau juga berkata bahawa Kerajaan sentiasa berusaha untuk memastikan setiap OKU mendapat peluang dan sokongan menyeluruh, termasuk pendidikan inklusif; pembangunan kemahiran dan peluang pekerjaan; kemudahan awam dan infrastruktur mesra OKU; program sosial dan kehidupan komuniti; dan perlindungan undang-undang.

Sambutan Hari Orang Kurang Upaya 2025 diserikan dengan penyampaian Anugerah Khas OKU (Akademik), Anugerah Khas OKU (Sukan), Anugerah Khas OKU (Usahawan), Anugerah Khas Ibu Bapa Mithali OKU, Anugerah Pertubuhan Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) Cemerlang, Anugerah Majikan Prihatin, Anugerah Pertubuhan Sukarelawan Kebajikan (PSK) OKU Cemerlang dan Anugerah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Prihatin.

Sambutan pada tahun ini turut diisi dengan pelbagai aktiviti menarik termasuk Pameran Informasi Dan Perkhidmatan, Pameran Inovasi/Teknologi Bantu Dan Swasta, Segmen Kemahiran Dan Latihan, Segmen TVET OKU, Segmen Seni Kreatif, Segmen Terapi Relaksasi, Pemeriksaan Kesihatan, Pameran dan Jualan Produk PDK, Segmen Perkongsian OKU dan Live Podcast. Aktiviti-aktiviti ini memberi peluang kepada para peserta untuk merasai pengalaman bermakna yang menggalakkan interaksi sihat dan perkembangan sahsiah.

Sambutan Hari Orang Kurang Upaya (HOKU) Peringkat Kebangsaan 2025 menandakan peralihan penting Malaysia daripada pendekatan belas kasihan kepada pendekatan berasaskan hak asasi dan pemeraksanaan. Warga OKU tidak lagi dilihat sekadar sebagai golongan yang perlu dibantu, tetapi sebagai rakyat yang mampu menyumbang, berkarya dan memimpin apabila diberikan peluang serta sokongan sewajarnya.

Turut hadir YB Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad, YB Timbalan Menteri KPWK, YBhg. Datuk Dr. Maziah binti Che Yusoff, Ketua Setiausaha KPWK, YBhg. Datuk Che Murad Sayang bin Ramjan, Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat, Senator Tuan Isaiah D. Jacob, Ahli Dewan Negara dan pegawai-pegawai kanan Kementerian, Jabatan dan Agensi yang lain.

###

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
3 DISEMBER 2025**



SENARAI PENERIMA ANUGERAH SEMPENA SAMBUTAN HARI ORANG KURANG UPAYA KEBANGSAAN TAHUN 2025

	KATEGORI ANUGERAH	NAMA PENERIMA
1.	Anugerah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Prihatin	i. Majlis Daerah Kerian
		ii. Majlis Perbandaran Jasin
		iii. Majlis Bandaraya Subang Jaya
2.	Anugerah Majikan Prihatin (Swasta)	i. Ambang Wira Sdn Bhd
		ii. Gold Mark Asia Sdn Bhd
3.	Anugerah Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK) OKU Cemerlang	Persatuan Kanak-Kanak Spastik Selangor dan Wilayah Persekutuan
4.	Anugerah Pertubuhan PDK Cemerlang	Pertubuhan Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK) Sungai Buloh, Selangor
5.	Anugerah Khas OKU (Usahawan)	Puan Nor Zaidah binti Ab. Rahman
6.	Anugerah Khas OKU (Sukan)	Encik Nicodemus Manggoi Anak Moses
7.	Anugerah Khas OKU (Akademik)	YBrs. Dr. Mastura binti Mahamed
8.	Anugerah Ibu Bapa Mithali	Encik Abd Aziz bin Sehat
		Puan Roslina binti Rajudin

ANUGERAH PBT PRIHATIN (KATEGORI DAERAH)



MAJLIS DAERAH KERIAN, PERAK



- ☐ Program Kampung Angkat MADANI – 2025; Bicara Kerjaya TVET OKU Ceramah Interaktif: Sejauh Mana Masa Depan OKU.
- ☐ Program Kemampanan Komuniti Bandar (PKKB); Karnival Semarak Kerian - Penglibatan OKU dalam pelbagai aktiviti sukan dan kesenian. - 2023 dan 2025
- ☐ Komuniti MADANI Sepakat DUN Selinsing penglibatan OKU dalam pelbagai aktiviti sukan dan kesenian – 2024.
- ☐ Membina dan menaik taraf bangunan dan fasiliti OKU bagi tahun 2024-2025 seperti penambahan lot parkir OKU dan *ramp*; Dataran Ban Pecah, Tanjung Piandang dan Taman Awam Bagan Serai, baik pulih tandas OKU Arena Square, Taman Kerian.
- ☐ Peluang penyewaan ruang perniagaan kepada OKU di bawah MDK
- ☐ Kolaborasi penjualan sampul duit raya bersama murid-murid PPKI sekitar Kerian.
- ☐ Menerima penghargaan dari JKM dan Pejabat Pendidikan Daerah Kerian melalui kolaborasi program kemasyarakatan yang melibatkan komuniti OKU.

ANUGERAH PBT PRIHATIN (KATEGORI PERBANDARAN)



MAJLIS PERBANDARAN JASIN, MELAKA



- ☐ Pengurangan cukai tafsiran kepada golongan OKU: 2023-2025.
- ☐ Pelantikan OKU sebagai salah seorang ahli dalam Majlis PBT: 2023-2025.
- ☐ Pelaksanaan audit dan audit susulan Aksesibiliti Kemudahan OKU di bangunan dan taman awam di bawah pemantauan PBT: 2023-2024.
- ☐ Penambahan bilangan parkir OKU dan naik taraf aksesibiliti bangunan awam/ kemudahan/ fasiliti OKU, Cth: tandas OKU/ railing; 2023-2025.
- ☐ Pertambahan setiap tahun bilangan petak parkir OKU. Jumlah terkini sebanyak 42.
- ☐ Projek menaik taraf aksesibiliti/ kemudahan OKU seperti di bangunan awam, pembinaan surau Vista Alamanda berkonsepkan *universal design* dan mesra OKU termasuk tandas OKU dan *railing*.
- ☐ Anugerah Penarafan 5 Bintang Pihak Berkuasa Tempatan 2024.
- ☐ Sijil Penghargaan Pematuhan (MS1184: 2024).
- ☐ Sijil Penghargaan Audit Aksesibiliti Kemudahan OKU 2023.
- ☐ Produk Inovasi Stair Ramp Blend (SRB-24) mendapat tempat ke -3 di Karnival ICT & Inovasi tahun 2025, MPJ.

ANUGERAH PBT PRIHATIN (KATEGORI BANDARAYA)



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA, SELANGOR



- ☐ Persidangan Kita Selangor: Itizam Reka Bentul Sejangat ke Arah Negeri Inklusif – 2023.
- ☐ Penganjuran Bengkel TOT dan Audit Bandar Bebas Halangan MBSJ – 2023.
- ☐ Program Autisme Starter Kit (Sunway Group - Mattel - EAP Malaysia): kolaborasi bersama Sunway Group melalui aearly autis, Project Malaysia (SAP) yang menyediakan kit intervensi awal lengkap untuk komuniti autisme. -2024.
- ☐ Pelaksanaan pengurangan cukai taksiran 50% bagi pemilik Harta OKU dari 2023 hingga Okt 2025 seramai 248 OKU telah mendapat manfaat.
- ☐ Penyediaan dan penyelenggaraan petak parkir OKU. MBSJ memastikan akses mobiliti yang selamat, mudah dan mengikut piawaian MS1184. Jumlah On-Street Parking- 107 Jumlah *Parking Off- Street Parking* - 23.
- ☐ Mempunyai 5 orang kakitangan OKU (0.35%) daripada 1,440 orang kakitangan keseluruhan.
- ☐ Anugerah Bandaraya Mesra Alam Sekitar pada *9th Conference of Environment Ministers in the Islamic World di Arab Saudi.- 2023*
- ☐ Anugerah *The International LiveCom Awards for SDG 2023 oleh LiveCom Committee & United Nation (UN) di Malta - 2023*
- ☐ Anugerah *Global Award for Sustainable Development in Cities (Shanghai Award 2023)*

ANUGERAH MAJIKAN PRIHATIN SWASTA



AMBANG WIRA SDN. BHD.



- ☐ Beroperasi sejak 1998.
- ☐ Perkhidmatan penyelenggaraan bangunan.
- ☐ Jumlah Pekerja: 1,258 Orang.
- ☐ Jumlah Pekerja OKU: 1 (LD), 10 (Fizikal), 1 (Mental) = 12 orang.
- ☐ Penempatan dan penugasan kerja berdasarkan kesesuaian dan keupayaan OKU.
- ☐ Memberi pelepasan kepada OKU untuk rawatan berkala atau temujanji.
- ☐ Pelepasan kepada OKU yang terlibat dengan sukan PARA.

ANUGERAH MAJIKAN PRIHATIN SWASTA



GOLD MARK ASIA SDN. BHD.



- ☐ Beroperasi sejak 2022.
- ☐ Perniagaan *Debt Recovery Management - Call Centre*.
- ☐ Jumlah Pekerja: 20 Orang.
- ☐ Jumlah Pekerja OKU: 9 orang (OKU Fizikal).
- ☐ Kerjasama strategik dengan PERKESO- Pusat Rehabilitasi PERKESO.
- ☐ Penyertaan Karnival Kerjaya OKU.
- ☐ Pendekatan mesra OKU di tempat kerja.
- ☐ Iklan jawatan inklusif untuk OKU.
- ☐ Kemudahan akses semasa temuduga.
- ☐ Penilaian berdasarkan kompetensi.
- ☐ Sokongan kewangan awal - cth; gaji pendahuluan.
- ☐ Pengiktirafan Prestasi & Motivasi Kerja.
- ☐ Kebajikan dan *Work - Life Balance*.

ANUGERAH PERTUBUHAN SUKARELA KEBAJIKAN OKU CEMERLANG



PERSATUAN KANAK-KANAK SPASTIK SELANGOR DAN WILAYAH PERSEKUTUAN



- ☐ Berjaya melahirkan atlet OKU ke peringkat kebangsaan bagi acara BOCCIA dan menjadi atlet sepenuh masa di MSN.
- ☐ 8 OKU (CP) berjaya menguasai aplikasi *E-sport*.
- ☐ Pengoperasian dan pengendalian Kafeteria Sunshine oleh OKU dengan kolaborasi Touch N Go.
- ☐ Penghasilan herba bunga telang oleh OKU dan penjaga bagi jana pendapatan.
- ☐ Kolaborasi bersama IBM dalam membina modul IT.
- ☐ Program kitar semula oleh OKU.
- ☐ Penglibatan sukarelawan JCKL dalam *Music Movement*,
- ☐ Program jahitan dan jualan pasu anak benih pelbagai pokok hiasan untuk jana pendapatan.



ANUGERAH PERTUBUHAN PEMULIHAN DALAM KOMUNITI (PPDK) CEMERLANG



PERTUBUHAN PDK SUNGAI BULOH, SELANGOR



- ☐ 72 pelatih di PPDK
- ☐ Aktiviti pra vokasional seperti kraftangan, bakeri dan kitar semula.
- ☐ Kerjasama strategik dengan agensi kerajaan, swasta dan institusi pendidikan.
- ☐ Aktiviti ekonomi seperti jualan hasil kerja pelatih dan kitar semula.
- ☐ 32 pelatih berjaya memasuki PPKI dari tahun 2023 sehingga 2025.
- ☐ Dalam tempoh 20 tahun seramai 150 pelatih dianggarkan berjaya ke PPKI.
- ☐ Projek EEP seperti makanan ringan, hasil kraftangan, bantal dan sarung bantal.
- ☐ Anggaran pendapatan jualan RM1000- RM5,000 setahun.

ANUGERAH KHAS OKU (USAHAWAN)



NOR ZAIDAH BT AB RAHMAN



- ☐ Berusia 50 tahun (OKU Fizikal)
- ☐ Puan Nor Zaidah Ab Rahman berasal dari Negeri Sembilan
- ☐ Seorang motivator
- ☐ Sukarelawan JKM, MARA dan Belia
- ☐ Tenaga pengajar jahitan dan kraf Kolej Komuniti
- ☐ Fasilitator dan panel keusahawanan USIM, UITM, UPSI dan Lim Kok Wing
- ☐ Tenaga pengajar jahitan Persatuan Membantu OKU Malaysia (POMOKUM) dan JPW
- ☐ Anugerah PJK oleh DiPertuan Besar Negeri Sembilan 2008
- ☐ Anugerah Khas Majlis Belia Daerah Kuala Pilah 2016
- ☐ Anugerah Khas OKU Oleh Pertubuhan Wanita Negeri Sembilan 2016
- ☐ Anugerah Tokoh Wanita MADANI 2024
- ☐ Ikon Usahawan OKU Malaysia *Say Lead Pro*
- ☐ Ikon Pelancongan Negeri Sembilan
- ☐ Menggaji seorang pekerja OKU

ANUGERAH KHAS OKU (SUKAN)



NICODEMUS MANGGOI ANAK MOSES



- ☐ Berusia 33 tahun.
- ☐ Berasal dari Kuching, Sarawak.
- ☐ OKU Fizikal.
- ☐ Atlit Negara Sukan Powerlifting.
- ☐ Mewakili negara dalam pelbagai kejohanan seperti;
 - ☐ Kejohanan World Cup, Pattaya 2024 – Pingat Perak
 - ☐ Temasya PARA Asean, Kemboja 2023 - Pingat Emas
 - ☐ Temasya PARA Asia, Hangzhou 2022 – Pingat Gangsa
- ☐ Angkatan terbaik (Best Lift) – 210 kg.
- ☐ Angkatan keseluruhan (Total Lift) – 595 kg.

ANUGERAH KHAS OKU (AKADEMIK)



DR. MASTURA MAHAMED



- ☐ Berusia 40 tahun, OKU Fizikal (CP).
- ☐ Berasal dari Selangor.
- ☐ Pensyarah di UPM.
- ☐ Naib Presiden Persatuan Gabungan Anak-Anak Palsi Serebrum Malaysia - 2019-2025.
- ☐ Ahli Jawatankuasa Pelaksanaan Kampus Inklusif UPM: 2019-2025.
- ☐ Perunding dan Felo Penasihat *Institute Of Communication And Gamification Research*, 2014-2025.
- ☐ Felo Kelastrian UPM untuk SDG 10 - 2025-2027.
- ☐ Penulis Pelan Tindakan Pendidikan Tinggi Malaysia (2025-2030) .
- ☐ *Advisory Board Member Institute of Communication and Gamification Research – 2024.*
- ☐ *Panel Qualitative Research Association Malaysia – 2023.*



ANUGERAH OKU (IBU BAPA MITHALI)



ABD AZIZ BIN SEHAT ROSLINA BINTI RAJUDIN



- ☐ Kedua-dua berusia 58 tahun dan berasal dari Melaka.
- ☐ Mempunyai 3 anak OKU (Autisme) daripada 6 beradik.
- ☐ Muhammad Zikri (26 tahun), Muhammad Zakwan (25 tahun) dan Muhammad Zulhilmi (19 tahun)
- ☐ Mendapat pendidikan di PPKI Sekolah Rendah Sg. Rambai, SMKV Indahpura, Johor (Muhammad Zikri) dan PLPP Bangi (Muhammad Zakwan)
- ☐ Berjaya mendidik anak sehingga berdikari dan membantu perniagaan kecil-kecilan
- ☐ Mendapatkan rawatan buah pinggang rosak (Muhammad Zikri) sejak berumur setahun dan buah pinggang dibuang sebelah.
- ☐ Muhammad Zikri dan Muhammad Zulhilmi turut mempunyai masalah kesihatan lain iaitu darah tinggi dan tonsil.

